

D179

U B672 AAB
MAHATHIR - PERJUMPAAN R R R

KUALA LUMPUR, 15 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI KESEDIAANNYA MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DEMI PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU.

KATANYA, MEMANG SEJAK DAHULU LAGI BELIAU BERSEDIA MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN TENGGU RAZALEIGH DAN PERKARA INI TIDAK MENJADI MASALAH KEPADA BELIAU.

PERKARA INI (KESEDIAAN BELIAU) BUKANNYA TIMBUL SEKARANG, MALAH SEJAK DAHULU LAGI, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERHIMPUNAN ULANG TAHUN PERGERAKAN WANITA UMNO KE-40 DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU TIDAK MENETAPKAN MASA BAGI PERTEMUAN ITU, +KITA TUNGGU...KALAU ADA TANDA-TANDA HENDAK BERJUMPA, SAYA SEDIA JUMPA.+

MENURUT BELIAU, BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ DALAM PERTEMUAN MEREKA TURUT MENCADANGKAN SUPAYA PERJUMPAAN ANTARA BELIAU DENGAN TENGGU RAZALEIGH DIADAKAN.

+SAYA MENYAMBUT BAIK CADANGAN INI, SAYA MEMANG SANGGUP, SEJAK BEGITU LAMA UNTUK BERJUMPA DENGAN TENGGU RAZALEIGH,+ KATANYA. -- LAGI
2004MST 15 11 89

D180

U B673 AAB
MAHATHIR - PERJUMPAAN 2 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA, KATA SEPAKAT YANG DICAPAI DARIPADA PERTEMUAN ITU IALAH KEDUA-DUA PIHAK (UMNO DAN SEMANGAT 46) INGIN MEWUJUDKAN PERPADUAN DI KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU.

+CARANYA MUNGKIN MELALUI PERTEMUAN DAN PERBINCANGAN ANTARA SAYA DENGAN TENGGU RAZALEIGH,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENGULANGI PENDIRIANNYA YANG TIDAK MENGADAKAN APA-APA SYARAT UNTUK MENGADAKAN PERJUMPAAN SEDEMIKIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN PERTEMUANNYA DENGAN TUNKU +AMAT BERTERHARGA+ DAN DALAM SUASANA MUHIBAH, MEREKA BERBINCANG DARI HATI KE HATI DAN CUBA MENDALAMI PENDAPAT MASING-MASING. -- LAGI
2006MST 15 11 89

D185

U B675 AAB
MAHATHIR - PERJUMPAAN 3 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERBANGGA DENGAN KEHADIRAN TUNKU PADA MAJLIS PERAYAAN ITU DAN MENYIFATKANNYA SEBAGAI SATU PETANDA BAIK DARIPADA SEGI MERAPATKAN SEMULA KEPIMPINAN UMNO DAN ORANG-ORANG MELAYU.

KATANYA, UMNO MENJEMPUT TUNKU MENGHADIRI PERHIMPUNAN ITU TANPA PERKIRAAN POLITIK KERANA YANG APA PENTING IALAH KEHADIRANNYA SEBAGAI PENGASAS UMNO.

BELIAU BERKATA, DALAM PERHIMPUNAN SEPERTI INI, UMNO INGIN MELIHAT KESEMUA PEMIMPIN VETERAN PARTI SEPERTI TUNKU, TUN HUSSEIN ONN, DATUK BAHAMAN SHAMSUDIN DAN BEKAS PEMIMPIN WANITA, BERKUMPUL BERAMAI-RAMAI.

PERHIMPUNAN INI MENCERMINKAN PERPADUAN DALAM UMNO TANPA MEMENTINGKAN SOAL POLITIK, KATANYA.

MENGENAI LAPORAN KESEDIAAN TUJUH ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI SEMANGAT 46 MEMASUKI UMNO, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK MENGETAHUI LANGSUNG MENGENAI PERKATA ITU. -- BERNAMA
2013MST 15 11 89